



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 53/2020

RUJUKAN: 21 MEI-1 JUN 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang kepada pihak Kerajaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Keberhasilan usaha ini juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap kepekaan setiap lapisan masyarakat kepada kepatuhan saranan dan garis panduan kerajaan termasuk amalan norma kehidupan harian yang baharu.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 1 Jun 2020 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 6,404** atau 81.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,338 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **38 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **7,857 kes**. Kes import meliputi 68.4 peratus daripada catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 12 kes** dengan sebanyak **6 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 51.6 peratus**, Zon Selatan (22.5 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.6 peratus), Zon Pantai Timur (8.0 peratus) dan Zon Utara (6.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Melaka** dengan **merekodkan 13 kes** disusuli Selangor dan W.P Kuala Lumpur dengan masing-masing sebanyak 11 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 9 buah negeri termasuk dua (2) Wilayah Persekutuan. Sejumlah **115 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaru** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **4 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 31 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu mele过si 100 kes adalah **Bukit Jalil** dengan **284 kes**, **Ibu Kota (164 kes)** dan **Hulu Langat (126 kes)**. Sementara itu, **sejumlah 131 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **6,132,154 kes** dengan melibatkan **371,154 kematian**. Amerika Syarikat (AS) mendominasi bilangan kes positif sebanyak **1,786,593 kes** disusuli oleh Brazil dengan 498,440 kes dan Rusia (405,843 kes). Secara umumnya, sebanyak 12 negara telah merekodkan kes positif melebihi 150 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura** **merekodkan 34,884 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (26,473 kes) dan Filipina (18,086 kes). Sementara itu, **28.1 peratus SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)**

daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 10.4 peratus dan Itali (9.0 peratus). Jumlah kes sembah yang direkodkan adalah 2,631,567 kes dengan peratusan sebanyak 42.92 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Sentimen pengguna meningkat tetapi sedikit lebih rendah daripada anggaran awalan. Semakan semula data yang dikeluarkan oleh University of Michigan menunjukkan sentimen pengguna di AS meningkat sedikit rendah berbanding data awalan yang dianggarkan. Laporan menunjukkan indeks sentimen pengguna untuk bulan Mei disemak semula lebih rendah kepada 72.3 dari bacaan awal 73.7. Penganalisis ekonomi menjangkakan indeks akan disemak naik ke 74.0. Sentimen pengguna sebahagian besarnya tidak berubah selama dua bulan terakhir, dengan akhir Mei menganggarkan hanya 0.5 indeks di atas bacaan bulan April. (RTT)

EU: Kadar inflasi menghampiri sifar dan terendah sejak pertengahan 2016. Kadar inflasi EU hampir tidak berubah pada bulan Mei dan merupakan yang terendah dalam hampir empat tahun. Prestasi ini didorong oleh kejatuhan harga tenaga yang mendadak. Inflasi perlahan menjadi 0.1 peratus dari 0.3 peratus pada bulan April 2020. Ini adalah yang terendah sejak bulan Jun 2016, ketika indeks harga tidak berubah. Prestasi kadar inflasi Mei ini adalah sejajar dengan jangkaan penganalisis ekonomi. Walau bagaimanapun, kadar inflasi masih jauh di bawah sasaran ECB, iaitu di bawah 2 peratus yang disasarkan. Secara bulanan, harga pengguna turun 0.1 peratus pada bulan Mei. Tanpa mengambil kira makanan, alkohol dan tembakau, inflasi terus kekal stabil pada 0.9 peratus pada bulan Mei. Kejatuhan ekonomi yang teruk mendorong kepada deflasi, yang bermaksud ECB berkemungkinan akan berada dalam situasi krisis untuk beberapa waktu yang akan datang menurut Bert Colijn, penganalisis ekonomi ING. (RTT)

EU: Ketua bank pusat Itali memberi amaran bahawa bantuan EU bukan percuma. Gabenor bank pusat Itali mengeluarkan peringatan tegas kepada negara itu bahawa negara tidak boleh menerima wang bantuan dari Kesatuan Eropah tanpa memperbaiki ekonomi secara serius. Data menunjukkan ekonomi berada dalam kemerosotan yang lebih dalam daripada unjuran awalan. Ignazio Visco pada pertemuan tahunan bank pusat di Rom menyatakan bahawa bantuan Kesatuan Eropah bagi mengatasi kemelesetan yang disebabkan oleh COVID-19 adalah tidak bebas dari caj. Sehubungan itu, beliau turut menggesa pakej rangsangan yang komprehensif untuk negara tersebut. (Bloomberg)

UK: Kerajaan UK sedang menyediakan Pakej Rangsangan bagi Julai 2020. Kerajaan UK sedang bersiap sedia untuk melancarkan pakej rangsangan ekonomi pada bulan Julai ketika negara tersebut sedang mempergiatkan usaha untuk mengurangkan kemelesetan yang mendalam yang disebabkan oleh COVID-19. Canselor Exchequer, Rishi Sunak sedang mengusahakan cadangan program latihan, infrastruktur dan bantuan kepada syarikat teknologi. Beliau turut mendorong orang kembali bekerja setelah penutupan perniagaan bagi membendung penularan virus yang telah menyebabkan lonjakan pengangguran. (Bloomberg)

CHINA: Kegiatan kilang Mei berkembang, tetapi pesanan lemah menunjukkan ketidaktentuan pemulihian. Kegiatan kilang China meningkat untuk bulan ketiga berturut-turut pada bulan Mei ketika syarikat-syarikat kembali beroperasi setelah langkah-langkah ketat dilaksanakan bagi mengekang wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, penurunan pesanan eksport yang mendalam menyebabkan pemulihian ekonomi masih perlahan. Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan (PMI) China pada bulan Mei mencatatkan nilai indeks 50.6, berbanding dengan 50.8 pada bulan April. Meskipun pengembangan pengeluaran perlahan pada bulan Mei dibatasi oleh permintaan yang lemah, jumlah pesanan pesanan baru kehadapan pula menunjukkan peningkatan kepada 50.9 dari 50.2 pada April 2020. Ini memberi gambaran permintaan akan segera meningkat pada masa hadapan. (Reuters)

JEPUN: Kerja-kerja pembinaan awalan perumahan turun manakala keyakinan pengguna meningkat. Kerja-kerja pembinaan awalan perumahan Jepun menurun -12.9 peratus (YoY) pada bulan April, menyusuli kejatuhan -7.6 peratus pada bulan Mac 2020. Ini adalah penurunan kesepuluh berturut-turut. Nilai kerja-kerja pembinaan awalan perumahan yang ditahunkan menurun kepada 797,000 pada bulan April daripada 905,000 pada bulan sebelumnya. Sementara itu, indeks keyakinan pengguna meningkat kepada 25.0 pada bulan Mei 2020 dan pertumbuhan pendapatan meningkat kepada 27.8. Kesediaan isirumah untuk membeli barang pengguna tahan lama turut meningkat kepada 26.3 dan indeks pekerjaan meningkat kepada 16.8. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd (PMRMB)** mencatatkan kerugian bersih RM84 juta bagi suku tahun pertama 2020 dan ini disebabkan oleh kesan daripada pandemik COVID-19 serta penurunan ketara harga minyak.
2. Penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada jualan kenderaan di Malaysia dengan **jualan pada April merosot mendadak kepada 141 unit berbanding 49,935 unit tahun sebelumnya**.
3. **Penanda aras niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dijangka didagangkan lebih tinggi pada Jun dan Julai iaitu pada sehingga RM2,400 satu tan.** Ia susulan jangkaan Malaysia sebagai pengeluar minyak makan kedua terbesar di dunia dapat meningkatkan jumlah eksportnya, termasuk eksportnya ke India.
4. Nilai hasil jualan pertanian dan **perikanan menerusi platform e-dagang Shopee Malaysia bagi dua kedai rasmi Agrobazaar Fama dan Nekmat mencecah RM250,000.**
5. **OPEC sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan pemotongan semasa selama satu hingga tiga bulan.** OPEC dan rakan sekutunya sepakat mengurangkan pengeluaran sebanyak **9.7 juta tong sehari, atau sekitar 10 peratus daripada bekalan global**, pada Mei dan Jun.
6. **Sektor pembuatan Malaysia menunjukkan tanda-tanda mendekati stabilisasi pada pertengahan suku kedua**, dengan penurunan kadar pengeluaran, pesanan baru dan pekerjaan yang berkurang. **Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan (PMI) IHS Markit Malaysia meningkat mendadak kepada 45.6 pada bulan Mei**, daripada rekod tinjauan rendah April pada 31.3.
7. **Kadar penggunaan elektrik bagi kediaman meningkat 23 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).** Namun, langkah kerajaan menutup semua premis perniagaan dan menghentikan aktiviti ekonomi menyebabkan berlaku penurunan penggunaan elektrik di Semenanjung serta di Sabah (30 peratus) dan Sarawak (20 peratus) antaranya di pusat-pusat komersial seperti kompleks perniagaan, pusat beli-belah dan hotel, antara 31 dan 47 peratus.

8. Petunjuk awal pada April dan Mei 2020 menunjukkan **persekitaran ekonomi diunjur kurang memberangsangkan** bagi perniagaan Malaysia disokong oleh *Leading Index* (LI) yang memberi isyarat kemelesetan ekonomi dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang.
9. **Malaysia menjangkakan akan menyaksikan penguncutan penjualan runcit pertama sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998, sebanyak 5.5%.** Dianggarkan 51,000 kedai runcit dijangka ditutup secara kekal, termasuk kedai yang melayani pelancong. Tahun 2019, 26.1 juta pelancong yang datang membelanjakan RM28.94 bilion untuk membeli-belah, mewakili 33.6% daripada jumlah perbelanjaan mereka
10. **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** akan menyediakan peruntukan yang dijangka memberi manfaat kepada lebih **21,847 penerima merangkumi usahawan mikro, perusahaan kecil dan sederhana, usahawan sosial, pemula niaga dan koperasi.** Pelan Pemulihan itu menggariskan enam strategi utama bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan.
11. **Kerajaan mengumumkan bahawa sektor perladangan termasuk kelapa sawit memerlukan pekerja seramai 500,000 pekerja bagi meneruskan operasi akibat dari ketiadaan warga asing.** Sehingga kini sektor berkenaan telah menyediakan pekerjaan kepada 220,000 warga tempatan and 265,397 pekerja asing yang berdaftar.
12. **Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan lebih 30,000 orang di dalam industri perhotelan di seluruh negara kehilangan pekerjaan,** lebih 10,000 dicutikan tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.

A.	Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Malaysian Reserve	<p>Hotels run on cost cuts and manpower control</p> <p>Malaysian Association of Hotels CEO Yap Lip Seng said large chains are supported by having company reserves, while smaller ones are resorting to closures.</p> <p>Hotels, having been affected by the pandemic since the early stages, are further facing unfair treatment as most are on rented property. Although the government had encouraged owners to give discounts for rentals, it was not made compulsory. The estimated loss of revenue for hotels is RM6.36 billion for the entire year.</p> <p>Industry players are not expected to record further profits with occupancy below 40%, which spells losses from March to the rest of the year.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/05/22/hotels-run-on-cost-cuts-and-manpower-control/
2.	Bernama	<p>Takaful IKHLAS sedia RM140,000 untuk bantu komuniti</p> <p>Takaful IKHLAS memperuntukkan dana berjumlah RM140,000 di bawah program ‘Belanja Ramadan dan Syawal’, hasil sumbangan peserta Takaful Ikhlas General Bhd yang merupakan anak syarikat MNRB Holdings Bhd.</p> <p>Sumbangan disalurkan kepada</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1844412

		<p>14 masjid terpilih di setiap negeri di Malaysia yang mempunyai pejabat cawangan Takaful IKHLAS, termasuk yang tidak mempunyai pejabat cawangan seperti Perlis dan Pulau Pinang.</p> <p>Setiap masjid menerima sumbangan dana berjumlah RM10,000 yang kemudian akan diagihkan kepada golongan yang kurang berasib baik bagi meringankan bebanan mereka.</p>	
3.	The Edge Market	<p>MPC adopts online platforms to assist businesses amid Covid-19 outbreak</p> <p>The Malaysia Productivity Corporation (MPC) has adopted several online platforms to assist businesses to mitigate the impacts of the Movement Control Order (MCO), as well as to support their productivity and business growth.</p> <p>Among the online platforms are, Unified Public Consultation (UPC) portal to obtain public feedback on amendments to existing regulations and the drafting of new regulations.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mpc-adopts-online-platforms-assist-businesses-amid-covid19-outbreak
4.	Berita Harian	<p>Pelan Pemulihan Ekonomi imbangi impak negatif PKP</p> <p>Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata meskipun Bank Dunia meramalkan ekonomi global akan mencatatkan negatif sepanjang tahun ini, pakej ekonomi baharu yang akan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/692973/pelan-pemulihan-ekonomi-imbangi-impak-negatif-pkp

		<p>diumumkan akhir bulan ini akan memulihkan ekonomi negara secara berperingkat.</p> <p>Tahap pemulihan ekonomi dan kelangsungan hidup rakyat bergantung kepada berapa cepat individu mengadaptasi dan menyesuaikan diri dalam konteks normal baharu. "Kita tidak boleh mengharapkan setiap kekangan dan permasalahan akan diselesaikan oleh pihak kerajaan semata-mata. Adalah penting untuk diingatkan bahawa krisis COVID-19 juga membawa peluang ekonomi dan perniagaan kepada rakyat.</p>	
5.	New Starits Times	<p>Listed auto companies to see earnings halved this year as sales weakens</p> <p>"With the extended conditional MCO (until June 9) and deteriorating consumer sentiment, we do not discount further downside risk to our 2020 total industry volume (TIV) forecast of 555,900 units or an 8.0 per cent reduction year-on-year," HLIB said today.</p> <p>Year-to-date 2020 sales until April accounted for 106,601 units or 44.75 per cent less compared to 192,971 units recorded a year ago, according to the Malaysian Automotive Association (MAA). Last year, a total of 604,287 new vehicles were sold.</p> <p>The industry had its worst performance during the Asian financial crisis with 163,851 new</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/05/595876/listed-auto-companies-see-earnings-halved-year-sales-weakens

		vehicles sold in 1998, compared to 404,837 units in 1997, which was a record high until 2001.	
6.	The Star	<p>FGV losses widen on lower FFB production, Covid-19 disruption</p> <p>Despite a dismal first quarter, FGV Holdings Bhd is looking forward to a better second half of 2020 with a pick-up in both fresh fruit bunch (FFB) production and overall performance.</p> <p>"With Indian trade restored, and the easing of Malaysia's movement control order, sales are expected to pick up in tandem with production, as the impacts of drought and fertiliser adjustments in 2019 wane in the second half of 2020," said FGV group CEO Datuk Haris Fadzilah Hassan.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/28/fgv-losses-widen-on-lower-ffb-production-covid-19-disruption
7.	The Edge Market	<p>Cover Story: Retailers face bleak year, some likely to fold</p> <p>A third of every ringgit spent by foreign tourists visiting Malaysia goes towards shopping. This means that, based on the original target of RM100 billion in foreign exchange earnings from tourism in 2020, retailers had been expected to ring up sales of about RM33 billion. But now, a large chunk is likely to be wiped out as our borders remain closed to arrivals of foreign nationals.</p> <p>Malaysia expects to see the first retail sales contraction since the Asian financial crisis in 1998, by</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-retailers-face-bleak-year-some-likely-fold

		5.5%. An estimated 51,000 retail stores are expected to shut down permanently, including those catering to tourists.	
8.	Berita Harian	<p>Malaysia bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021 - Tengku Zafrul</p> <p>Seajar pembukaan ekonomi negara yang menyaksikan hampir 70 peratus tenaga kerja kembali bekerja membabitkan beberapa sektor ekonomi, Malaysia kini berada pada kapasiti yang bersedia bagi pemulihan ekonomi menjelang 2021.</p> <p>Tengku Zafrul berkata, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ekonomi global bakal mencatatkan "penguncupan" ataupun pertumbuhan negatif sebanyak tiga peratus berikutan penularan pandemik COVID-19, dan seperti mana negara-negara lain, ekonomi Malaysia turut terjejas.</p> <p>Menurutnya, dalam usaha memerangi kejatuhan ekonomi akibat pandemik tersebut, kerajaan telah mengambil pendekatan 6R iaitu 'Resolve', 'Resilience', 'Restart', 'Recovery', 'Revitalise' dan 'Reform'.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694319/malaysia-bersedia-bagi-pemulihan-ekonomi-menjelang-2021-tengku-zafrul
9.	The Edge Market	<p>MyBHA proposes to Tourism Ministry to issue '3K' certification (30 May 2020)</p> <p>The Malaysian Budget Hotel</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mybha-proposes-tourism-ministry-issue-3k-certification

		<p>Association (MyBHA) has proposed that the government, via the Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC), should issue certification on safety, cleanliness and health, or better known as 3K to its members.</p> <p>Industry players should take the opportunity to fine tune the tourism and hospitality industries to be more relevant with the current situation. Budget hotels should take steps to improve their training, quality of services, facilities and their IT expertise to facilitate customer bookings. Survey conducted among 2,300 members of the association, as of May, the total losses incurred is estimated to be around RM70 million.</p>	
10.	Astro Awani	<p>Subsidi RM150 setiap saringan COVID-19 untuk majikan – Saravanan</p> <p>Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bersetuju menyediakan subsidi kepada majikan yang menjalankan ujian COVID-19 terhadap pekerja menerusi perluasan skop Program Saringan Prihatin (PSP) berkuat kuasa hari ini.</p> <p>"Program subsidi ini akan menggunakan peruntukan dana sebanyak RM200 juta yang telah diluluskan Perkeso sebelum ini.</p> <p>Savaranan berkata, di bawah program subsidi ini, pekerja asing</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/subsidi-rm150-setiap-saringan-covid-19-untuk-majikan-saravanan-245100

		dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan kawalan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur akan diberi keutamaan untuk menjalani ujian saringan COVID-19.	
11.	The Edge Market	<p>Malaysia manufacturing downturn eases sharply during May</p> <p>IHS Markit said despite such a large month-on-month rise in the headline figure, it remained below the neutral 50.0 mark and was therefore indicative of a further deterioration in manufacturing sector conditions.</p> <p>That said, the latest decline was considerably weaker than at the start of the second quarter, it explained.</p> <p>It said the latest survey data pointed to a further reduction in manufacturing output across Malaysia, although the rate of contraction eased substantially since April.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-manufacturing-downturn-eases-sharply-during-may
12.	The Malaysian Reserve	<p>Sharp contraction in 2Q GDP to push Malaysia into recession</p> <p>“First-quarter GDP contracted on a quarter-on-quarter basis, and 2Q20 GDP is also expected to show a sharp contraction due to the impact of the protracted lockdown.</p> <p>“This is expected to push the Malaysian economy into a recession for the 2020 calendar</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/06/01/sharp-contraction-in-2q-gdp-to-push-malaysia-into-recession/

	<p>year," he added.</p> <p>However, economic growth momentum is expected to gradually improve in the second half of this year (2H20), as domestic industrial production and consumption expenditure recover.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Anggaran kerugian pendapatan untuk hotel adalah sebanyak RM6.36 bilion untuk sepanjang tahun 2020. Pengendali dan pemilik hotel kini menjalankan pemotongan kos dan mengawal jumlah tenaga kerja dalam tempoh pendapatan sifar, manakala simpanan akan berkurangan pada bulan berikutnya.
2. Penjualan automotif selama empat bulan pertama tahun 2020 telah menurun 45 peratus, dengan hanya 141 unit pada bulan April yang jauh dari 49,935 unit yang dicatatkan pada bulan yang sama pada tahun 2019. Walaubagaimanapun bulan Mei mungkin bulan yang jauh lebih baik berbanding bulan April, dan secara keseluruhan penjualan tahun ini akan tetap lemah.
3. Menurut FGV Holdings Bhd, pada suku pertama yang berakhir pada 31 Mac, pekebun kelapa sawit mencatatkan kerugian bersih RM142.35 juta kerana pendapatan menurun 15% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM2.78 bilion berikutan pengeluaran *fresh fruit bunch (FFB)* yang lebih rendah dan margin yang lebih rendah berbanding dengan kerugian bersih RM3.37 juta pada suku sebelumnya.
4. Malaysia menjangkakan akan menyaksikan penguncutan penjualan runcit pertama sejak krisis kewangan Asia pada tahun 1998, sebanyak 5.5%. Dianggarkan 51,000 kedai runcit dijangka ditutup secara kekal, termasuk kedai yang melayani pelancong. Tahun 2019, 26.1 juta pelancong yang datang membelanjakan RM28.94 bilion untuk membeli-belah, mewakili 33.6% daripada jumlah perbelanjaan mereka
5. Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) mengusulkan agar kerajaan, melalui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC), harus mengeluarkan peraturan keselamatan, kebersihan dan kesihatan, atau lebih dikenali sebagai 3K kepada anggotanya sebagai langkah untuk mengembalikan keyakinan di kalangan pelancong kepada industri penginapan.
6. Sektor pembuatan Malaysia menunjukkan tanda-tanda mendekati stabilisasi pada pertengahan suku kedua, dengan penurunan kadar pengeluaran, pesanan baru dan pekerjaan yang berkurang. Indeks Pengurus Pembelian Pembuatan (PMI) IHS Markit Malaysia meningkat mendadak kepada 45.6 pada bulan Mei, daripada rekod tinjauan rendah April pada 31.3.

7. Ketua ekonomi Asia Pasifik IHS Markit menjangkakan KDNK Malaysia pada suku kedua 2020 (ST2 2020) menguncup secara mendadak, dan secara tidak langsung menyeret ekonomi domestik ke dalam kemelesetan tahun 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Perniagaan perhotelan amat terkesan akibat pandemik wabak COVID-19 sejak awal lagi. Keadaan ini memberi impak negatif kepada prestasi subsektor Perkhidmatan Penginapan serta kepada industri pelancongan. Pada tahun 2018, penginapan menyumbang 24.7 peratus (RM21.6 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan inbound dan 9.5 peratus (RM7.9 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan domestik. Sementara itu, subsektor perkhidmatan penginapan menyumbang RM9.8 bilion nilai ditambah kasar kepada KDNK pada tahun 2019 (2018: RM 9.2 bilion).
2. Susulan pandemik wabak Covid-19 dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpanjangan, penjualan sektor kenderaan bermotor mengalami kemerosotan yang ketara. Ini akan memberi kesan negatif kepada prestasi subsektor Perkhidmatan terutamanya segmen kenderaan bermotor. Pada ST1 2020, pertumbuhan sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus (ST4 2019: 6.2%) dimana segmen kenderaan bermotor menyusut 2.9 peratus (ST4 2019: 4.3%).
3. Kejatuhan hasil pendapatan kelapa sawit dipengaruhi oleh pandemik wabak Covid-19 dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi kesan kepada prestasi subsektor kelapa sawit. Pada tahun ST1 2020, subsektor kelapa sawit merekodkan penyusutan 19.5 peratus kepada KDNK Malaysia berbanding negatif 12.3 peratus pada ST4 2019 dengan nilai ditambah sebanyak RM7.4 bilion (ST4 2019: RM9.2 bilion).
4. Peruncitan merupakan antara sektor yang terkesan akibat pandemik COVID-19 terutamanya bagi peruncit yang bergantung pada pelancong asing. Pada tahun 2018, membeli-belah kekal sebagai aktiviti utama pelancong dimana membeli-belah menyumbang 33.5 peratus (RM29.4 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan inbound dan 42.0 peratus (RM34.8 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan domestik.
5. Langkah yang proaktif perlu dilaksanakan bagi membina semula keyakinan kalangan pelancong dalam industri pelancongan dan perhotelan setelah Perintah Pengawal Bersyarat (PKPB) ditamatkan dan orang dapat bergerak ke seluruh negara. Pada 2018, sumbangan nilai ditambah kasar industri pelancongan kepada KDNK telah meningkat 15.2 peratus (RM 220.6 bilion) berbanding 14.6 peratus pada tahun 2017.
6. Pandemik COVID-19 dan langkah-langkah yang berkaitan yang diambil untuk membendung penyebarannya telah menyebabkan gangguan rantaian bekalan yang teruk dan penutupan kilang yang berlanjutan memberi kesan penurunan yang lebih ketara bagi sektor pembuatan. Pada ST1 2020, pertumbuhan sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus (ST4 2019: 3.0%) dengan menyumbang 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia.

7. Dengan keadaan dibawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berterusan sepanjang April, KDNK Malaysia bagi Suku Tahun Kedua 2020 akan sangat terkesan dengan ekonomi negatif dari tindakan pengekangan tersebut. Pada Suku Tahun Pertama 2020, KDNK Malaysia merekodkan pertumbuhan 0.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada ST4 2019. Prestasi pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Berita Harian	<p>Petron Malaysia rugi bersih RM84 juta pada suku pertama</p> <p>Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd (PMRMB) mencatatkan kerugian bersih RM84 juta bagi suku pertama 2020, berbanding keuntungan bersih RM58 juta yang dicatatkan pada suku sama tahun lalu.</p> <p>Pendapatannya dalam suku dikaji susut kepada RM2.2 bilion, berbanding RM2.7 bilion tahun lalu, terutama disebabkan oleh impak negatif pandemik COVID-19 dan penurunan ketara harga minyak.</p>	https://www.bharan.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691605/petron-malaysia-rugi-bersih-rm84-juta-pada-suku-pertama
2.	Berita Harian	<p>Sime Darby tinjau beli firma pengedaran kereta China</p> <p>Sime Darby Bhd meninjau peluang untuk mengambil alih syarikat pengedaran automotif di China, yang juga pasaran kenderaan terbesar dunia.</p> <p>Sime Darby memiliki rizab yang mencukupi kekal bertahan di mana kebanyakan syarikat bergelut untuk berdepan kesan COVID-19. Sime Darby</p>	https://www.bharan.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691540/sime-darby-tinjau-beli-firma-pengedaran-kereta-china

		mencatatkan keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) RM265 juta bagi suku ketiga berakhir 31 Mac 2020, susut 20.2 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.	
3.	Berita Harian	<p>Hanya 141 unit kenderaan dijual di Malaysia bulan lalu</p> <p>Industri automotif negara menerima impak disebabkan penularan pandemik COVID-19, hampir lumpuh kerana tidak boleh beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jumlah jualan kenderaan pada April merosot mendadak kepada 141 unit berbanding 49,935 unit tahun sebelumnya, menurut Persatuan Automotif Malaysia (MAA).</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2020/05/691932/hanya-141-unit-kenderaan-dijual-di-malaysia-bulan-lalu
4.	Harian Metro	<p>Terokai automasi robotik untuk kekal berdaya saing</p> <p>UNIVERSAL Robots, peneraju pasaran teknologi robot kolaboratif (Cobot) yang berpangkalan di Denmark menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia mempercepat penggunaan automasi robotik untuk kekal berdaya saing dan cekap.</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/581772/terokai-automasi-robotik-untuk-kekal-berdaya-saing
5.	Malay Mail	<p>A COVID-19 fatali-tea: How Subang Jaya's Boba Street bubble burst</p> <p>COVID-19 has left a wide swathe of destruction in its wake, both here in Malaysia and worldwide. And one small street in Subang Jaya felt its devastating effect especially strongly. Boba Street</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/25/a-COVID-19-fatali-tea-how-subang-jayas-boba-street-bubble-burst/1869216

		<p>(not its actual street name but what it was popularly referred to) in Subang Jaya's SS15 used to be the epicentre.</p> <p>Today, after about two months of lockdown, roughly half of the 15 outlets on Baba Street had to close their doors for good. A visit by the Malay Mail found many shoplots on that street plastered with either "To Let" or "For Sale" signs.</p>	
6.	Berita Harian	<p>Pasar raya diarah tutup, terlalu ramai pengunjung</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengarahkan sebuah pasar raya terkenal di Taman Desa Tebrau, di sini, ditutup seminggu mulai hari ini sehingga 1 Jun depan. Notis berkenaan antara lain memaparkan arahan penutupan premis berkenaan dibuat mengikut Subseksyen 18(1)(f), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 bermula dari jam 4 petang 25 Mei 2020 sehingga 1 Jun 2020.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/692836/pasar-rayadiarah-tutup-terlalu-ramai-pengunjung
7.	Malay Mail	<p>DBKL to keep up inspection of KL Wholesale Market to ensure compliance with COVID-19 mitigation measures</p> <p>Kuala Lumpur City Hall (DBKL) will continue to monitor the area around the walls of the Kuala Lumpur Wholesale Market to ensure that no foreigners use it to enter the market. DBKL said patrols and surveillance will be carried out to protect property in</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/27/dbkl-to-keep-up-inspection-of-kl-wholesale-market-to-ensure-compliance-with/1869875

		<p>the area, and to ensure that the owners, assistants and members of the public comply with the safety, social distancing and cleanliness measures. In addition, vehicles entering the premises will be monitored and the body temperature of the people taken.</p>	
8.	Berita Harian	<p>Pelan pemulihan bantu PKS, usahawan bertahan</p> <p>Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi sebanyak RM450 juta membolehkan usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro untuk terus bertahan dalam tempoh yang mencabar ini. Presiden Persatuan PKS Malaysia, menyatakan peruntukan itu mampu menampung operasi sebahagian usahawan mikro, PKS dan koperasi, sekali gus mengelakkan daripada terus menutup perniagaan masing-masing.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/693508/pelan-pemulihan-bantu-pks-usahawan-bertahan
9.	Bernama	<p>Harga MSM Malaysia mungkin meningkat, eksport harus kekal tinggi</p> <p>Penanda aras niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia mungkin didagangkan lebih tinggi pada bulan Jun dan Julai pada harga RM2,400 satu tan metrik jika pengeluar minyak makan kedua terbesar di dunia itu mengekalkan jumlah eksportnya yang lebih tinggi, termasuk eksportnya ke India, Pemilik dan Pengasas Bersama Palm Oil Analytics Dr Sathia</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1846208

		<p>Varqa.</p> <p>Jumlah eksport dari Malaysia ke India adalah positif pada bulan Mei, sokongan terhadap niaga hadapan minyak sawit mentah pada dua minggu lepas.</p>	
10.	The Edge	<p>Online business set to stay post-COVID-19 – MDEC</p> <p>Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) expects the change in behaviour of consumers and local traders from conventional methods to online business concept will be maintained even after COVID-19 ends.</p> <p>The main players in the e-commerce sector would leverage on digital capability to increase their presence offline, and thereby further expanding their e-commerce ecosystem. Digital transformation will move fast. Businesses, meanwhile, have taken proactive steps to participate in e-commerce to survive.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/online-business-set-stay-postCOVID19-mdec
11.	Harian Metro	<p>Jualan tani, ikan cecah RM250,000 di Shopee</p> <p>Nilai hasil jualan pertanian dan perikanan menerusi platform e-dagang Shopee Malaysia bagi dua kedai rasmi Agrobazaar Fama dan Nekmat mencecah RM250,000.</p> <p>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Persatuan</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/06/584550/jualan-tani-ikan-cecah-rm250000-di-shopee

		Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjalankan usaha sama dengan Shopee itu sebagai langkah jangka panjang untuk melindungi kebajikan petani dan nelayan.	
12.	The Star	<p>National cars have an advantage</p> <p>The uncertainties ahead, stemming from the COVID-19 pandemic and its adverse impact on the local economy, may bring some benefits to national carmakers. Industry observers believe that consumers may opt for smaller engine capacity vehicles or more fuel-efficient vehicles during times of uncertainty.</p> <p>In an economic slowdown, people tend to downgrade towards cheaper, more fuel-efficient vehicles. This would bode well for the local car companies.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/06/01/national-cars-have-an-advantage#cxrecs_s
B. Subsektor Kewangan			
13.	The Star	Banks' asset quality in focus	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/06/01/banks-asset-quality-in-focus#cxrecs_s

14.	The Edge	<p>Affin Bank 1Q net profit drops 10%</p> <p>Affin Bank Bhd's net profit dropped nearly 10% to RM123.57 million in the first quarter ended March 31, 2020 (1QFY20) compared with RM137.23 million a year ago.</p> <p>Affin Bank's earnings were dragged down by credit impairment losses of RM117.1 million compared with a write-back of RM9.9 million in 1QFY19, in addition to higher overheads, according to a bourse filing.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/affin-bank-1q-net-profit-drops-10%C2%A0
15.	The Edge	<p>Hong Leong Capital 3Q net profit declines on lower non-interest income</p> <p>Hong Leong Capital Bhd saw its third quarter ended March 31, 2020 (3QFY20) net profit decline by 45.85% to RM11.07 million from RM20.43 million a year ago following a 23.5% decline in non-interest income earned during the quarter. Its quarterly revenue declined by 12.36% to RM68.6 million from RM78.27 million posted in 3QFY19.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/hong-leong-capital-3q-net-profit-declines-lower-noninterest-income
	C. Subsektor Kesihatan		
16.	Bernama	<p>Nursing homes tightening restrictions to curb spread of COVID-19</p> <p>News that 21 COVID-19 cases have been detected at several old folks homes in Malaysia has left operators scrambling to tighten regulations in a bid to contain the spread of the deadly</p>	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1844328

		virus among the most vulnerable members of society.	
17.	Harian metro	<p>Kluster baharu syarikat pembersihan babit pekerja warga asing</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti satu kluster baharu membabitkan pekerja warga asing di sebuah syarikat pembersihan. 24 kes positif COVID-19 dilaporkan dalam kluster itu yang semuanya membabitkan pekerja warga Bangladesh.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/583756/kluster-baharu-syarikat-pembersihan-babit-pekerja-warga-asing-metrotv
	D. Subsektor Kewangan		
18.	Astro Awani	<p>Tiada aktiviti PdP bersemuka di kampus hingga 31 Disember kecuali 5 kategori pelajar – KPT</p> <p>Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020.</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-aktiviti-pdp-bersemuka-di-kampus-hingga-31-disember-kecuali-5-kategori-pelajar-kpt-244544
19.	Berita Harian	<p>KPT benar kemasukan pelajar baharu UA, IPTS mulai 1 Julai</p> <p>Kemasukan pelajar baharu universiti awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti serta institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi sesi akademik 2020/2021 akan bermula seawal 1 Julai depan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693433/kpt-benar-kemasukan-pelajar-baharu-ua-ipst-mulai-1-julai
20.	Malaysia Kini	<p>Pusat latihan, ujian memandu dibuka Isnin</p> <p>Institut memandu dan latihan serta proses pelesenan pemandu</p>	https://m.malaysiakin.com/news/527923

		oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) beroperasi dari 8 pagi sehingga 4 petang bermula 1 Jun ini.	
Penemuan penting & isu:			
1. Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd (PMRMB) mencatatkan kerugian bersih RM84 juta bagi suku tahun pertama 2020 dan ini disebabkan oleh kesan daripada pandemik COVID-19 serta penurunan ketara harga minyak.			
2. Sime Darby Bhd meninjau peluang untuk mengambil alih syarikat pengedaran automotif di China.			
3. Penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada jualan kenderaan di Malaysia dengan jualan pada April merosot mendadak kepada 141 unit berbanding 49,935 unit tahun sebelumnya.			
4. Peneraju pasaran teknologi robot kolaboratif (Cobot) yang berpangkalan di Denmark menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia mempercepat penggunaan automasi robotik untuk kekal berdaya saing dan cekap.			
5. Setelah hampir 2 bulan premis perniagaan ditutup disebabkan penularan COVID-19, terdapat beberapa premis perniagaan meletakkan papan iklan untuk menjual atau menyewa premis kerana kebanyakan pemiliknya tidak mampu untuk meneruskan sewa premis tersebut akibat kemerosotan perniagaan mereka.			
6. Sebuah pasar raya di Taman Desa Tebrau, Johor Bahru diarah tutup oleh KKM kerana SOP bagi penjarakkan sosial tidak diamalkan kerana terlalu ramai pengunjung.			
7. DBKL akan terus memantau kawasan sekitar tembok Pasar Borong Kuala Lumpur untuk memastikan bahawa tidak ada orang asing yang menggunakan untuk memasuki pasar awam berkenaan.			
8. Sebanyak RM452.8 juta diperuntukan oleh MEDAC bagi membantu usahawan, PKS dan koperasi. Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi tersebut membolehkan usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro untuk terus bertahan semasa pasca COVID-19.			
9. Minyak sawit mentah (MSM) Malaysia mungkin didagangkan lebih tinggi pada bulan Jun dan Julai jika pengeluar minyak makan kedua terbesar di dunia mengekalkan jumlah eksportnya yang lebih tinggi, termasuk eksportnya ke India.			
10. MDEC menjangkakan berlaku perubahan trend pembelian pengguna dan peniaga tempatan dari kaedah konvensional kepada konsep perniagaan dalam talian.			
11. Nilai hasil jualan pertanian dan perikanan menerusi platform e-dagang Shopee Malaysia bagi dua kedai rasmi Agrobazaar Fama dan Nekmat mencecah RM250,000.			
12. Berikutan ketidakpastian keadaan ekonomi semasa menyebabkan pengguna lebih cenderung memilih kenderaan berkapasiti enjin yang lebih kecil atau kenderaan yang lebih cekap sekaligus ia manfaat kepada			

- pengilang kenderaan nasional.
13. Keuntungan bersih Affin Bank Bhd turun hampir 10% kepada pada suku pertama yang berakhir pada 31 Mac 2020 (1QFY20) berbanding tahun lalu. Ini disebabkan oleh penambahan “credit impairment losses dan juga kos overhead
14. Keuntungan bersih Hong Leong Capital Bhd pada suku ketiga berakhir 31 Mac, 2020 (3QFY20) merosot sebanyak 45.85% berikutan penurunan 23.5% dalam pendapatan bukan faedah.
15. Keuntungan bersih OCBC Al-Amin Bank Bhd's meningkat sebanyak 9.5 kali sejak tahun penuh operasi pertama tahun 2009. Pertumbuhan yang kuat disebabkan oleh peruntukan yang lebih rendah, ditambah dengan pendapatan berdasarkan yuran yang lebih tinggi dan pertumbuhan pembiayaan yang stabil dari segmen perbankan perniagaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerugian yang dialami oleh Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd (PMRMB) akan memberikan kesan negatif terhadap industri Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai khusus.
2. Industri Automotif mengalami kemerosoton berikutan penularan wabak COVID-19 dan pihak bank juga telah memperketatkan dalam memberikan pinjaman sewa beli terhadap pengguna serta mengurangkan jumlah pinjaman sewa beli.
3. Pelbagai inisiatif yang diberikan oleh kerajaan dalam usaha membantu golongan PKS, usahawan dan koperasi harus digunakan dengan sebaiknya sepanjang tempoh pasca COVID-19 bagi mengelakkan perniagaan yang diusahakan terhenti.
4. Industri jualan secara atas talian semakin menjadi pilihan pengguna dalam tempoh PKP dan PKPB akan menyumbang kepada peningkatan nilai jualan bagi industri ini.
5. Pembelian semula minyak sawit Malaysia oleh India membantu meningkatkan jualan minyak sawit dan secara tidak langsung akan beri kesan kepada subsektor Borong dan Runcit.
6. Peralihan pengguna kepada pembelian kenderaan nasional mampu meningkatkan prestasi industri jualan kenderaan bermotor.
7. Pada suku tahun 1 2020, sektor kewangan dan perbankan turut mencatatkan kejatuhan berikutan penurunan pendapatan berasaskan dana dan peruntukan yang lebih tinggi untuk jangkaan kerugian kredit (ECL).
8. Penglibatan klinik swasta dalam proses menjalankan saringan COVID-19 membantu menyumbang hasil kepada industri tersebut.
9. Penundaan pembukaan Taman Tema Genting ini dijangka melambatkan pemulihan pertubuhan ini disamping industri ini masih tidak dibenarkan beroperasi sepanjang PKPB ini.
10. Pengurangan yuran pembakaran mayat dalam tempoh semasa akan memberi kesan kepada hasil aktiviti pengkebumian.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star 26 Mei 2020	<p>Pentamaster to venture into ventilators</p> <p>Semiconductor test-equipment maker Pentamaster Corp Bhd plans to start manufacturing ventilators to help overcome their shortage in the country.</p> <p>It is possible to start production in 2021. Pentamaster plans also to export the ventilators to emerging markets that are short of the respiratory equipment.</p> <p>The global ventilator market is expected to grow from US\$2.4bil in 2019 to about US\$12.1bil in 2020, as there is a massive surge in demand for ventilators as they are essential in the treatment of critical Covid-19 patients.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/26/pentamaster-to-venture-into-ventilators
2.	Berita Harian 27 Mei 2020	<p>Bekalan makanan cukup hadapi gelombang kedua COVID-19</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan asas mencukupi jika gelombang kedua pandemik COVID-19 melanda negara.</p> <p>Selain bekalan dalam negara yang dijamin mencukupi, kementerian terbabit juga kerap meninjau bekalan dari negara sumber antaranya</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693253/bekalan-makanan-cukup-hadapi-gelombang-kedua-covid-19

		<p>memastikan bekalan daging di India mencukupi untuk dieksport ke Malaysia.</p> <p>Baru-baru ini Vietnam menghentikan eksport beras ke Malaysia, tetapi Malaysia sentiasa mencari negara sumber baharu termasuk kembali ke negara sumber beras tradisi seperti Thailand dan Myanmar.</p>	
3.	Berita Harian 28 Mei 2020	<p>Kilang gula Chuping Perlis pindah ke Pasir Gudang Johor</p> <p>MSM Malaysia Holdings Bhd (MSMH) akan menggabungkan pengeluaran gula bertapisnya dengan memindahkan operasi kilang di MSM Perlis Sdn Bhd (MSMP) terletak di Chuping, Perlis ke MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSMJ) di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor.</p> <p>Penamatan yang dicadang untuk pengeluaran MSMP adalah pada 30 Jun, dan perpindahan tenaga kerja dan peralatan tertentu dari MSMP ke MSMJ dan MSM Prai Bhd akan dilakukan secara berperingkat. Keseluruhan proses tersebut dijangka selesai pada suku keempat 2020.</p> <p>MSMH akan terus memberi tumpuan kepada strategi pertumbuhan mampan yang termasuk kepelbagai produk untuk menembusi pasaran</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/693606/kilang-gula-chuping-perlis-pindah-ke-pasir-gudang-johor

		eksport dan meningkatkan margin.	
4.	Berita Harian 31 Mei 2020	<p>Harga sawit dijangka tinggi, eksport Malaysia dijangka meningkat – Penganalisis</p> <p>Penanda aras niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dijangka didagangkan lebih tinggi pada Jun dan Julai iaitu pada sehingga RM2,400 satu tan.</p> <p>la susulan jangkaan Malaysia sebagai pengeluar minyak makan kedua terbesar di dunia dapat meningkatkan jumlah eksportnya, termasuk eksportnya ke India.</p> <p>India, pembeli utama minyak sawit Malaysia, telah menyambung semula pembelian minyak sawit selepas empat bulan, dalam persekitaran meningkatkan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.</p> <p>Pengeluaran Malaysia dijangka turun kepada 19 juta tan pada tahun 2020 dari 19.85 juta pada tahun 2019 sementara pengeluaran Indonesia kemungkinan tidak akan berubah, iaitu sebanyak 45 juta tan.</p> <p>Walaupun Malaysia mengurangkan cukai eksport MSM kepada sifar peratus pada bulan Jun dari 4.5 peratus pada bulan Mei dan Indonesia meningkatkan levi antara AS\$5 hingga AS\$ 55,</p>	https://www.bharan.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/694680/harga-sawit-dijangka-tinggi-eksport-malaysia-dijangka-meningkat

		<p>eksport MSM Malaysia akan menikmati potongan harga. Ini menjadikan MSM Malaysia lebih murah daripada Indonesia antara AS\$10 hingga AS\$15.</p>	
5.	Berita Harian 1 Jun 2020	<p>OPEC+ bincang lanjutkan pemotongan output minyak</p> <p>Pengeluar minyak bersekutu Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan pemotongan semasa selama satu hingga tiga bulan.</p> <p>Gabungan OPEC+ dari 23 negara yang dipimpin oleh Arab Saudi dan Russia menjalankan pemotongan pengeluaran minyak untuk meningkatkan harga.</p> <p>OPEC dan rakan sekutunya sepakat mengurangkan pengeluaran sebanyak 9.7 juta tong sehari, atau sekitar 10 peratus daripada bekalan global, pada Mei dan Jun.</p> <p>Di samping itu, Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) membuat pemotongan sukarela lebih banyak sekitar 1.2 juta tong sehari pada Jun, menjadikan jumlah pemotongan OPEC+ hampir 11 juta tong sehari.</p> <p>Pengeluaran dijangka berkurang kepada 7.7 juta tong sehari pada Julai.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/695138/opec-bincang-lanjutkan-pemotongan-output-minyak

Penemuan penting & isu:

1. Pentamaster Corp Bhd merancang untuk memulakan pembuatan ventilator untuk membantu mengatasi kekurangan ventilator di negara ini. Pentamaster juga merancang untuk mengeksport ventilator ke pasaran baru. Pasaran ventilator global dijangka meningkat dari US \$ 2.4 bilion pada tahun 2019 menjadi sekitar AS \$ 12.1 bilion pada tahun 2020, kerana terdapat peningkatan permintaan ventilator akibat penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.
2. Bekalan makanan asas mencukupi sekiranya gelombang kedua pandemik COVID-19 melanda negara. Malaysia juga meninjau bekalan dari negara sumber antaranya memastikan bekalan daging di India mencukupi untuk dieksport ke Malaysia. Baru-baru ini Vietnam menghentikan eksport beras ke Malaysia, namun Malaysia sentiasa mencari negara sumber baharu termasuk kembali ke negara sumber beras tradisi seperti Thailand dan Myanmar.
3. MSM Malaysia Holdings Bhd (MSMH) akan menggabungkan pengeluaran gula bertapisnya dengan memindahkan operasi kilang di MSM Perlis Sdn Bhd (MSMP) terletak di Chuping, Perlis ke MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSMJ) di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor. MSMH akan terus memberi tumpuan kepada kepelbagaian produk untuk menembusi pasaran eksport dan meningkatkan margin.
4. Penanda aras niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia dijangka didagangkan lebih tinggi pada Jun dan Julai iaitu pada sehingga RM2,400 satu tan. Ia susulan jangkaan Malaysia sebagai pengeluar minyak makan kedua terbesar di dunia dapat meningkatkan jumlah eksportnya, termasuk eksportnya ke India.
5. OPEC sedang mempertimbangkan untuk melanjutkan pemotongan semasa selama satu hingga tiga bulan. OPEC dan rakan sekutunya sepakat mengurangkan pengeluaran sebanyak 9.7 juta tong sehari, atau sekitar 10 peratus daripada bekalan global, pada Mei dan Jun. Arab Saudi, Kuwait dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) membuat pemotongan sukarela lebih banyak sekitar 1.2 juta tong sehari pada Jun, menjadikan jumlah pemotongan OPEC+ hampir 11 juta tong sehari. Pengeluaran dijangka berkurang kepada 7.7 juta tong sehari pada Julai.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai **import ventilator perubatan** (HS 901920) pada tahun 2019 ialah RM95.4 juta. Sumber utama import ialah dari China (RM22.6 juta, 23.7%), Amerika Syarikat (RM18.3 juta, 19.2%) dan Singapura (RM15.8 juta, 16.5%). Pada bulan Mac 2020, import ventilator perubatan meningkat RM6.1 juta atau 75.0% kepada RM14.2 juta tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport ventilator perubatan ialah RM261.3 juta. Malaysia mengeksport ventilator perubatan ke Singapura (RM94.6 juta, 36.2%), Amerika Syarikat (RM58.3 juta, 22.3%) dan Jerman (RM30.6 juta, 11.7%). Pada bulan Mac 2020, eksport ventilator perubatan meningkat RM1.8 juta

- atau 7.6% kepada RM25.2 juta tahun ke tahun.
2. Nilai **import makanan** (SITC 0) pada tahun 2019 bernilai RM51.5 bilion. Sumber utama import ialah China (RM6.1 bilion, 11.9%), Thailand (RM4.7 bilion, 9.2%) dan Argentina (RM4.3 bilion, 8.3%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport makanan bernilai RM5.3 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import makanan meningkat RM950.0 juta atau 21.9% daripada RM4.3 bilion. Manakala, nilai eksport makanan pada tahun 2019 bernilai RM34.1 bilion. Malaysia mengeksport makanan ke Singapura (RM6.7 bilion, 19.7%), China (RM3.9 bilion, 11.4%) dan Indonesia (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengeksport makanan bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport makanan jatuh sebanyak RM120.2 juta atau 4.2% daripada RM2.9 bilion.
 3. Nilai **import gula mentah** (HS: 1701) pada tahun 2019 berjumlah RM 2.6 bilion. Sumber utama gula mentah pada tahun 2019 ialah Thailand (RM953.7 juta, 36.6%), Afrika Selatan (RM865.5 juta, 33.2%), Brazil (RM501.9 juta, 19.2%), India (RM152.8 juta, 5.9%) dan Australia (RM62.2 juta, 2.4%). Manakala nilai eksport mentah ialah pada tahun 2019 RM178.1 juta. Malaysia mengeksport gula mentah ke Singapura (RM26.5 juta, 14.9%), Republik Korea (RM23.1 juta, 13.0%) dan Indonesia (RM22.8 juta, 12.8%).
 4. Nilai **import minyak sawit mentah** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Mac 2020, import minyak sawit mentah meningkat RM91.1 juta atau 42.3% kepada RM306.7 juta tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Mac 2020, eksport minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM129.4 juta atau 4.6% kepada RM2.7 bilion tahun ke tahun.
 5. Nilai **import minyak mentah** (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Mac 2020, import minyak mentah meningkat RM1.8 bilion atau 81.0% kepada RM4.1 bilion tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Mac 2020, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM122.1 juta atau 4.9% kepada RM2.4 bilion tahun ke tahun.
 6. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets	<p>Malaysia manufacturing downturn eases during May</p> <p>The Malaysian manufacturing sector showed signs of approaching stabilisation midway through the second quarter, with rates of reduction in output, new orders and employment all easing considerably.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-manufacturing-downturn-eases-sharply-during-may
2.	The Edge Markets	<p>K-One secures licence to manufacture low-cost ventilators for use in Covid-19 treatment</p> <p>K-One Technology Bhd has been awarded a licence to manufacture and distribute low-cost breathing ventilators developed by NASA Jet Propulsion Laboratory (NASA JPL) for use by Covid-19 patients.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/kone-secures-nasa-licence-manufacture-lowcost-ventilators-use-covid19-treatment
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. The headline IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) rose sharply to 45.6 in May, from April's survey-record low of 31.3. 2. The ventilator is dubbed VITAL (Ventilator Intervention Technology Accessible Locally) ventilator, which is low-cost and uses fewer parts all of which are easily available from the market. The ventilator is approved for use in the US by the Food & Drug Administration. <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BPPIB mengambil maklum prestasi sektor Pembuatan pada bulan April dan Mei 2020 berada di paras yang rendah berikutan penutupan kilang-kilang akibat pandemic Covid-19. 2. BPPIB turut mengambil maklum K-One Tech telah dianugerahkan lesen bagi pembuatan low-cost ventilators oleh NASA JPL bagi penggunaan rawatan Covid-19. 			

E. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 27 Mei 2020	<p>Kerajaan, industri global hilang RM4.4 trillion hasil tenaga</p> <p>Kerajaan dan industri bakal kehilangan lebih AS\$1 trillion (RM4.4 trillion) daripada hasil yang dijana daripada sektor tenaga pada tahun ini, menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA).</p> <p>Tiga faktor yang menyebabkan penurunan hasil adalah penurunan permintaan bahan api, harga minyak mentah rendah dan peningkatan kes bil tidak berbayar.</p> <p>Tetapi setelah krisis COVID-19 menyebabkan sejumlah besar ekonomi dunia terhenti dalam tempoh beberapa bulan, pelaburan global kini dijangka menjunam sebanyak 20 peratus atau hampir AS\$400 bilion (RM1.74 trillion), jika dibandingkan dengan tahun lalu.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/693322/kerajaan-industri-global-hilang-rm44-trillion-hasil-tenaga
2.	Bernama 28 May 2020	<p>Demand for retail, office space to temporarily retract before bouncing back</p> <p>The retail and office space sectors are among the notable casualties of COVID-19 pandemic as people adapt to the new norm of online shopping and working from home that had deteriorated</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1845489

		<p>demand and value for both sectors in the short term.</p> <p>According to the Retail Group Malaysia (RGM), it is estimated that shopping traffic will decline by up to 50 per cent and the retail industry is expected to post a 18.8 per cent year-on-year contraction for the first quarter of 2020.</p> <p>RGM had projected the Malaysia retail industry to grow by 4.6 per cent in 2020 at end-2019.</p> <p>However, the situation had since deteriorated significantly as prolonged COVID-19 pandemic and falling domestic demand would see the retail industry suffer a 5.5 per cent contraction for the rest of this year.</p>	
3.	Bernama 28 May 2020	<p>Govt expects businesses to ramp up productivity soon</p> <p>The government is anticipating more businesses to reopen next week after the Hari Raya Aidilfitri celebration and resume their full productivity level in the coming weeks. This will ensure that jobs are kept intact and businesses can run as usual, thus stabilising the economy.</p> <p>The government is dealing with the challenges and is focusing on problem solving through regular interaction with various stakeholders, while ensuring</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1845597

		<p>that foreign direct investments (FDI) and domestic investments continue to grow, as well as boosting consumers' confidence.</p> <p>The long-term plan for the country is expected to be announced in the next three to four months, as government agencies are currently working on implementing measures to address challenges faced by various economic sectors.</p>	
4.	Malaysiakini 29 Mei 2020	<p>Kadar penggunaan elektrik kediaman naik 23 peratus sepanjang PKP</p> <p>Kadar penggunaan elektrik dalam sektor kediaman meningkat kira-kira 23 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berbanding penurunan 33 peratus penggunaan elektrik secara keseluruhannya di Semenanjung, menurut Menteri Tenaga dan Sumber Asli.</p> <p>Langkah kerajaan menutup semua premis perniagaan dan menghentikan aktiviti ekonomi menyebabkan berlaku penurunan penggunaan elektrik di Semenanjung serta di Sabah (30 peratus) dan Sarawak (20 peratus).</p> <p>Penurunan mendadak paling ketara di pusat komersial seperti kompleks perniagaan,</p>	https://www.malaysia kini.com/news/52774 0

		<p>pusat beli-belah dan hotel, antara 31 dan 47 peratus.</p> <p>Peningkatan (sektor kediaman) sekitar 23 peratus ini, mungkin bermakna orang (ramai) duduk di rumah mengikut arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.</p>	
5.	Bernama 29 May 2020	<p>Economic recovery plan to continue through private sector collaboration – MOF</p> <p>The short-term economic recovery plan which will be announced by the Prime Minister will see continued cooperation between the government and the private sector to ensure its smooth and orderly implementation to revive the economy.</p> <p>The government has engaged with various stakeholders to explore possible scenarios and to obtain feedback which would help the government in making relevant decisions for the benefit of various sectors.</p> <p>There might be some recovery in Q3 and Q4 with the reopening of the economy, adding that the economic recovery hinges on how fast Malaysia can tackle the pandemic.</p> <p>The country's e-commerce sector grew exponentially during the MCO, adding that it was time for businesses to look into e-commerce to grow their</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1845997

		business.	
6.	Astro Awani 30 Mei 2020	<p>Petunjuk awal persekitaran perniagaan kurang memberangsangkan</p> <p>Daripada petunjuk awal pada April dan Mei 2020, persekitaran ekonomi diunjur kurang memberangsangkan bagi perniagaan Malaysia disokong oleh <i>Leading Index</i> (LI) terbaru yang memberi isyarat kemelesetan ekonomi dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang.</p> <p>Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan langkah-langkah dinamik diperlukan bagi mengubah struktur ekonomi semasa yang bergantung besar kepada industri berdasarkan komoditi dan industri tokokan nilai rendah yang mengupah pekerja berkemahiran rendah dan separa mahir dengan bayaran upah rendah.</p>	https://beta.astroawani.com/berita-bisnes/petunjuk-awal-persekitaran-perniagaan-kurang-memberangsangkan-244840
7.	The Edge 31 May 2020	<p>PSP: RM150 subsidy for employers conducting Covid-19 tests for workers — Saravanan</p> <p>The Ministry of Human Resources through the Social Security Organisation (Socso) has agreed to provide subsidy to employers who conduct Covid-19 tests for their workers under the Prihatin Screening Programme (PSP Perkeso) effective tomorrow (June 1).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/psp-rm150-subsidy-employers-conducting-covid19-tests-workers-%E2%80%94-saravanan

	<p>The subsidy programme will utilise the allocation of RM200 million previously approved by Socso. Employers were allowed to claim RM150 for each screening conducted on their workers who were contributing to Socso.</p> <p>Foreign workers in the construction and security services sectors in Selangor and Kuala Lumpur will be given priority to undergo the Covid-19 screening test under the subsidy programme.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Sektor peruncitan dan ruang pejabat adalah antara industri yang terjejas oleh pandemik COVID-19 kerana norma baharu membeli-belah dalam talian dan bekerja dari rumah, secara tidak langsung menyebabkan permintaan (konvensional) merosot. *Retail Group Malaysia* (RGM) menjangkakan industri ini menyusut 5.5 peratus bagi tahun 2020 kerana penularan wabak ini yang berpanjangan. Inisiatif penjualan dalam talian merupakan adaptasi digital bagi perniagaan kekal relevan dalam norma baharu pasca COVID-19.
2. Kadar penggunaan elektrik bagi kediaman meningkat 23 peratus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun, langkah kerajaan menutup semua premis perniagaan dan menghentikan aktiviti ekonomi menyebabkan berlaku penurunan penggunaan elektrik di Semenanjung serta di Sabah (30 peratus) dan Sarawak (20 peratus) antaranya di pusat-pusat komersial seperti kompleks perniagaan, pusat beli-belah dan hotel, antara 31 dan 47 peratus.
3. Rancangan pemulihan ekonomi jangka pendek yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri akan menyaksikan kerjasama yang berterusan antara Kerajaan dan sektor swasta untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan teratur bagi pemulihan ekonomi pasca wabak COVID-19. Pemulihan ekonomi dijangka bagi suku ketiga dan keempat tahun 2020 dengan pembukaan semula ekonomi serta bergantung kepada seberapa cepat Malaysia dapat menangani wabak tersebut.
4. Kerajaan menjangkakan lebih banyak perniagaan akan dibuka semula selepas perayaan Hari Raya Aidilfitri dan meneruskan tahap produktiviti penuh. Ini akan memastikan bahawa pekerjaan tetap utuh dan perniagaan

- dapat berjalan seperti biasa seterusnya dapat menstabilkan ekonomi. Kerajaan sedang merangka pelan pemulihan jangka panjang bagi menangani impak wabak COVID-19 terhadap ekonomi Malaysia antaranya dengan memastikan pertumbuhan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik serta meningkatkan kepercayaan pengguna.
5. Petunjuk awal pada April dan Mei 2020 menunjukkan persekitaran ekonomi diunjur kurang memberangsangkan bagi perniagaan Malaysia disokong oleh *Leading Index* (LI) yang memberi isyarat kemelesetan ekonomi dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang. Di samping itu, *Malaysia Economic Statistics Review* (MESR) merupakan inisiatif pertama dan terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), menyediakan maklumat bermanfaat kepada pihak berkepentingan dan kerajaan dalam mempercepatkan dasar strategik bagi menangani krisis ekonomi dengan cekap dalam mengatasi cabaran yang dihadapi oleh rakyat Malaysia.
 6. Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah bersetuju untuk memberikan subsidi kepada majikan yang melakukan ujian COVID-19 untuk pekerjaannya di bawah Program Pemeriksaan Prihatin bermula 1 Jun 2020. Program ini adalah di bawah peruntukan RM200 juta yang telah diumumkan PERKESO sebelum ini. Majikan dibenarkan untuk menuntut RM150 untuk setiap pemeriksaan yang dilakukan ke atas pekerja mereka yang menyumbang kepada PERKESO. Pekerja asing di sektor pembinaan dan perkhidmatan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur akan diberi keutamaan untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di bawah program subsidi ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Industri peruncitan konvesional dijangka menyusut bagi tahun 2020 kerana norma baharu pengguna yang membeli belah secara dalam talian. Ini disokong oleh dapatan WRC 2019 iaitu pembelian secara dalam talian telah menunjukkan peningkatan kepada 84.0% pada 2018 berbanding 72.2% pada 2013. Penularan wabak yang berpanjangan dijangka akan menyebabkan penurunan prestasi sektor ini bagi tahun 2020. Inisiatif penjualan dalam talian merupakan adaptasi digital bagi perniagaan kekal relevan pasca COVID-19.
2. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan ekonomi termasuk diskaun elektrik berperingkat antara dua hingga 50 peratus yang diberikan kepada 7.5 juta bagi kediaman di Semenanjung. Pemberian diskaun elektrik turut memberi manfaat kepada sektor yang terjejas terutamanya premis perniagaan yang menghentikan operasi bagi mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3. *Leading Index* (LI), memberi isyarat kemelesetan ekonomi dalam tempoh empat hingga enam bulan akan datang. Maklumat komprehensif mengenai data bagi industri utama di Malaysia bukan sahaja sebagai bahan rujukan kepada penyelidik tetapi juga untuk para pelabur, peniaga, pembuat dasar dan

<p>kerajaan.</p> <p>Bermula 1 Jun 2020, majikan dibenarkan untuk menuntut RM150 untuk setiap pemeriksaan COVID-19 yang dilakukan ke atas pekerja mereka. Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada peruntukan RM200 juta, di bawah Program Pemeriksaan Prihatin PERKESO. Pekerja asing di sektor pembinaan dan perkhidmatan keselamatan di Selangor dan Kuala Lumpur akan diberi keutamaan untuk menjalani ujian saringan COVID-19 di bawah program subsidi ini.</p>			
F.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Kes COVID-19 babitkan warga asing meningkat - KP Kesihatan</p> <p>Graf kes harian sebenar merangkumi semua kes COVID-19 di Malaysia menunjukkan peningkatan ketara, melibatkan kes positif dalam kalangan bukan warganegara sejak 29 April, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1846911
2.	Bernama	<p>Rakyat tidak dibenar ke luar negara - Ismail Sabri</p> <p>PUTRAJAYA, 30 Mei -- Rakyat Malaysia masih tidak dibenarkan ke luar negara buat masa ini terutamanya ke negara berisiko tinggi penularan pandemik COVID-19.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1846323
3.	Bernama	<p>Kerajaan hantar pulang pendatang tanpa izin bermula 6 Jun - Ismail Sabri</p> <p>PUTRAJAYA, 30 Mei - Fasa pertama penghantaran pulang pendatang tanpa izin akan bermula pada 6 Jun dengan membabitkan warga Indonesia yang berada di depot imigresen</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1846303

		di negara ini.	
4.	Bernama	<p>Warga asing ditahan semasa PKP tiada dokumen perjalanan sah - Ismail Sabri</p> <p>PUTRAJAYA, 29 Mei -- Semua warga asing yang ditahan dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lepas tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1845943

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan ketara yang melibatkan kes positif dalam kalangan bukan warganegara sejak 29 April disebabkan kes import dari luar negara serta penularan wabak dalam kalangan bukan warganegara, di beberapa Depoh Tahanan Imigresen dan juga dalam kalangan pekerja asing di pelbagai sektor di dalam komuniti. Negara kini berdepan dengan satu cabaran baharu.
2. Arahan tidak dibenarkan pulang turut terpakai kepada pelajar di negara ini yang mahu menyambung pengajian di Indonesia kerana negara berkenaan merupakan antara negara berisiko tinggi jangkitan COVID-19. Sesetengah negara juga tidak menerima kemasukan rakyat dari negara lain ke negara mereka. Indonesia dianggap sebagai antara negara mempunyai risiko tinggi (COVID-19) selain Amerika Syarikat, Brazil dan sebagainya.

Maklum balas Bahagian:

1. Pendekatan seluruh jentera kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan juga masyarakat diperlukan, agar isu ini dapat ditangani secara menyeluruh. beberapa langkah perlu diambil, iaitu menyelesaikan masalah penginapan pekerja asing yang sempit dan sesak dengan segera, bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dan lain-lain penyakit berjangkit. Bilangan penduduk bukan warganegara diterbitkan setiap tahun melalui penerbitan Anggaran Penduduk Semasa.
2. Soalan berkaitan kemudahan bekalan elektrik telah diliputi dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
3. Maklumat berkaitan pendapatan Isi Rumah di Malaysia yang menjalankan aktiviti perusahaan kecil dan sederhana dapat diperoleh sekiranya aktiviti ini masih dijalankan dalam tempoh PKP dan PKPB.

G. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Kurangkan pekerja asing, atasi pengangguran</p> <p>Jumlah pekerja asing perlu dikurangkan sebanyak 30 peratus hingga 40 peratus bagi menurunkan kadar pengangguran di negara ini yang dijangka meningkat kepada empat peratus pada 2020 ekoran kesan penularan Covid-19.</p> <p>Ini khususnya bagi pekerjaan ringan seperti juruwang, pembantu kedai dan pengawal keselamatan. Kalau (pekerjaan) membabitkan (3D) kotor, berbahaya dan sukar, ia memerlukan sedikit masa untuk latihan dan sebagainya.</p> <p>Data terbaru menunjukkan kemungkinan kehilangan pekerjaan agak tinggi iaitu dua juta hingga tiga juta, manakala lepasan pusat pengajian tinggi dan universiti bagi tahun ini sahaja adalah hampir 400,000 hingga 500,000 orang.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/581045/kurangkan-pekerja-asing-atasi-pengangguran
2.	The Star	<p>Some 570 lost their jobs in Melaka during MCO, says CM</p> <p>About 570 people lost their jobs during the movement control order (MCO) period.</p> <p>Based on the data provided by Melaka Human Resources Department, there were 3,726</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/05/21/some-570-lost-their-jobs-in-melaka-during-mco-says-cm

		<p>locals and 364 foreigners employed in various sectors that were impacted by the Covid-19 pandemic and the MCO between March 18 and May 10.</p> <p>He said out of this figure, 2,899 local employees had to opt for monthly pay cuts, 228 were asked to go on unpaid leave while 26 opted for mutual separation schemes.</p> <p>The worst-hit was 573 people who lost their source of income.</p>	
3.	The Malay Mail	<p>Covid-19 pandemic causes labour shortage for Malaysia's palm oil industry</p> <p>Travel restrictions to prevent the spread of Covid-19, the disease caused by the new coronavirus, are causing labour shortages at Malaysia's palm plantations.</p> <p>The Malaysian government said this week the country's plantation industry, including palm, was short by 500,000 workers.</p> <p>The plantations and commodities sector, which includes palm, cocoa and rubber, currently employs 220,000 locals and 265,397 registered foreign workers but requires 1 million workers.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/21/covid-19-pandemic-causes-labour-shortage-for-malaysias-palm-oil-industry/1868361
4.	Berita Harian	<p>'Tarik minat pekerja tempatan jika usir pekerja asing'</p> <p>Pengurangan pekerja asing bagi menurunkan kadar pengangguran wajar dilaksanakan, namun perlu ada pendekatan untuk menarik pekerja tempatan mengisi kekosongan jawatan yang</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/691965/tarik-minat-pekerja-tempatan-jika-usir-pekerja-asing

		<p>ditinggalkan itu.</p> <p>Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), berkata sehingga akhir Mac lalu, sebanyak 15,000 orang dibuang kerja dan meningkat kepada 27,000 orang pada pertengahan bulan ini.</p>	
5.	The Malay Mail	<p>Genting Malaysia Berhad management team take 20pc pay cut as part of Covid-19 austerity measures</p> <p>The management team of Genting Malaysia Berhad (GENM) are taking a 20 per cent pay cut in accordance with austerity measures introduced amid the ongoing Covid-19 pandemic.</p> <p>In a statement, GENM said the decision was made after the company suffered a net loss of RM417.96 million in the first quarter of 2020 due to the temporary disruptions in its worldwide operations from the pandemic.</p> <p>GENM owns and operates Resorts World Genting (RWG), Resorts World Awana, Resorts World Kijal and Resorts World Langkawi. For the first time in its 55-year history, RWG has been closed since March 18 in line with the movement control order (MCO) issued by the government.</p> <p>RWG's businesses support more than 70,000 jobs in Malaysia which includes its own employees, third party businesses, local suppliers and contractors.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/22/genting-malaysia-berhad-management-team-take-20pc-pay-cut-as-part-of-covid/1868733

6.	Berita Harian	<p>Hotel tutup: Apa jadi dengan yang kehilangan kerja?</p> <p>Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor, berkata pekerja hotel adalah antara yang paling teruk terjejas dengan ada dipotong gaji, dipaksa bercuti tanpa gaji, dipaksa menggunakan cuti tahunan dan lebih teruk lagi terus dibuang kerja.</p> <p>Beliau difahamkan lebih 30,000 orang di dalam industri perhotelan di seluruh negara hilang pekerjaan, lebih 10,000 'dicutikan' tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/694657/hotel-tutup-apa-jadi-dengan-yang-kehilangan-kerja
----	----------------------	--	---

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah pekerja asing perlu dikurangkan sebanyak 30 peratus sehingga 40 peratus bagi menurunkan kadar pengangguran di negara ini yang dijangka meningkat kepada empat peratus pada 2020 ekoran kesan penularan Covid-19.
2. Seramai 3,726 warga tempatan dan 364 bukan warganegara yang bekerja dari pelbagai sektor di Melaka terkesan dengan pandemik Covid-19. Daripada jumlah ini, kira-kira 570 orang telah kehilangan pekerjaan di Melaka sepanjang tempoh PKP.
3. Kerajaan mengumumkan bahawa sektor perladangan termasuk kelapa sawit memerlukan pekerja seramai 500,000 pekerja bagi meneruskan operasi akibat dari ketiadaan warga asing. Sehingga kini sektor berkenaan telah menyediakan pekerjaan kepada 220,000 warga tempatan and 265,397 pekerja asing yang berdaftar.
4. Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), berkata sehingga akhir Mac lalu, sebanyak 15,000 orang telah dibuang kerja dan bilangan tersebut meningkat kepada 27,000 orang pada pertengahan bulan ini.
5. Pihak Pengurusan Genting Malaysia Berhad (GENM) mengambil langkah pemotongan gaji sebanyak 20% bagi membendung kerugian sepanjang tempoh PKP.
6. Lebih 30,000 orang di dalam industri perhotelan di seluruh negara hilang pekerjaan, lebih 10,000 'dicutikan' tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bilangan pekerja bagi bukan warganegara dijangka akan menurun bermula suku tahun kedua 2020. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh Suku Tahun Pertama 2020, bilangan penduduk bekerja bukan warganegara adalah 2,256.6 ribu orang dan berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018, purata gaji dan upah yang diterima oleh penduduk bekerja bukan warganegara adalah RM1,603
2. Bilangan penduduk bekerja di negeri Melaka dijangka akan menurun sedikit pada suku tahun kedua 2020 berikut 570 orang telah kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh PKP. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja bagi negeri Melaka adalah 428.3 ribu orang dan berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018, purata gaji dan upah yang diterima oleh penduduk bekerja di negeri Melaka adalah RM2,853
3. Dijangka bilangan penduduk bekerja bukan warganegara dalam industri pertanian, perhutanan dan perikanan akan menurun mulai April 2020 manakala bilangan penduduk bekerja bagi warganegara akan meningkat. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan orang bekerja di dalam industri pertanian, perhutanan dan perikanan adalah 1,541.1 ribu orang dan berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018, purata gaji dan upah yang diterima oleh penduduk bekerja adalah RM1,865
4. Merujuk kepada Survei Tenaga Buruh Mac 2020, bilangan penganggur adalah seramai 610.5 ribu orang dan kadar pengangguran adalah sebanyak 3.9%.
5. Berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018, purata gaji bulanan bagi golongan pekerja mahir adalah sebanyak RM 4,891 dan bagi golongan pekerja separuh mahir adalah sebanyak RM 2,094.
6. Bilangan penduduk bekerja dan penerima gaji & upah dalam industri penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman menunjukkan tren menurun sejak bermula PKP. Berdasarkan Survei Tenaga Buruh 2019, bilangan penduduk bekerja di dalam industri berkenaan adalah sebanyak 1,549.7 ribu orang. Berdasarkan Survei Gaji dan Upah 2018 pula, purata gaji & upah bagi industri tersebut adalah sebanyak RM 1,914.

H.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 21 Mei 2020	Kekosongan 500,000 pekerja di sektor komoditi Malaysia masih berdepan kekurangan lebih 500,000 pekerja sektor perladangan komoditi dengan anggaran masing-masing 220,00 pekerja tempatan dan 265,397 pekerja asing berdaftar bagi sektor terbabit setakat ini.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/691337/kekosongan-500000-pekerja-di-sektor-komoditi
2.	Astro Awani 25 Mei 2020	COVID-19: Pengurusan sisa klinikal masih terkawal - Dr Noor Hisham Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan pertambahan pembuangan sisa klinikal susulan pandemik COVID-19 masih terkawal di negara ini.	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-pengurusan-sisa-klinikal-masih-terkawal-dr-noor-hisham-244302
3.	Bernama 1 Jun 2020	Pemodenan sektor pertanian jamin bekalan makanan, lindungi mata pencarian Impak daripada pandemik COVID-19 telah melumpuhkan hampir seluruh industri yang menyebabkan ekonomi global jatuh ke dalam kemelesetan, namun ia juga mengetengahkan akan kepentingan sektor pertanian, jaminan makanan dan keperluan bagi perancangan yang betul serta rantaian bekalan yang terjamin dan mampu berfungsi dalam apa juu situasi.	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1846660
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata angka itu adalah tidak memadai kerana Malaysia mempunyai jumlah keluasan 7.14 juta hektar tanah ladang yang memerlukan 			

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

sejuta pekerja tambahan lagi kemasukan pekerja asing dihentikan susulan COVID-19. Industri peladangan belum mendapat sambutan warga tempatan berikutan ketiadaan insentif menarik untuk menggalakkan mereka terbabit dalam sektor 3D - kotor, berbahaya dan sukar. Majikan juga sebelum ini mungkin tiada dorongan atau motivasi untuk membuka ruang kepada anak-anak tempatan. Namun dalam keadaan sekarang, keperluan untuk mengambil warga tempatan adalah ketara.

2. Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan pembuangan sisa klinikal meningkat kepada 27 peratus pada Mac berbanding 17 peratus pada Februari. Peratusan itu juga lebih tinggi berbanding purata tahun sebelumnya, dengan pembuangan sisa terbabit meliputi sarung tangan, penutup mulut dan hidung serta pakaian daripada pusat kesihatan dan klinik, meningkat susulan wabak berkenaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan pertambahan pembuangan sisa klinikal susulan pandemik COVID-19 masih terkawal di negara ini.
3. Sokongan utama terhadap sektor pertanian akan datang daripada golongan muda negara yang semakin berkembang serta penekanan berterusan oleh kerajaan bagi meningkatkan kecukupan diri makanan, mengekalkan harga makanan rendah dan memastikan jaminan makanan jangka panjang.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum bahawa pandemic Covid 19 di Malaysia menyebabkan kekurangan lebih 500,000 pekerja sektor perladangan komoditi dengan anggaran masing-masing 220,00 pekerja tempatan dan 265,397 pekerja asing berdaftar bagi sektor terbabit setakat ini. Jumlah ini akan dapat dilihat kepada jumlah penduduk bekerja yang turut diterbitkan di dalam Indikator Pertanian Terpilih, 2021. Pada 2018, penduduk bekerja di sektor Pertanian seramai 1,570.3 ribu orang dengan 1,077.9 adalah warganegara manakala selebihnya adalah bukan warganegara.
2. BPPAS mengambil maklum kenyataan daripada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air yang menyatakan pembuangan sisa klinikal menunjukkan peningkatan meliputi sarung tangan, penutup mulut dan hidung serta pakaian daripada pusat kesihatan dan klinik susulan daripada wabak Covid-19. Merujuk kepada Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) berdasarkan data daripada Jabatan Alam Sekitar menunjukkan Kuantiti buangan sisa klinikal pada 2018 ialah 31,397.8 tan metrik. Tiga (3) negeri mencatatkan jumlah sisa klinikal tertinggi iaitu Selangor (6,035.0 tan metrik), W.P. Kuala Lumpur (4,808.1 tan metrik) dan Johor (3,097.5 tan metrik) pada 2018.

I.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market (21/05/2020)	<p>COVID-19: Penang Govt proposes 'Travel Bubble' concept to restart tourism</p> <p>The Penang Government has proposed to implement a 'travel bubble' approach like New Zealand and Australia, between States declared as green zones to help the tourism sector recover. The plan designed to restart tourism industries while adapting to the new normal.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-penang-govt-proposes-travel-bubble-concept-restart-tourism
2.	The Edge Market (22/05/2020)	<p>Genting Malaysia announces restructuring exercise, including pay cut and 'rightsizing of workforce'</p> <p>Genting Malaysia Bhd (GENM) has announced that it is undertaking a restructuring exercise at its home operations including voluntary pay cut and "rightsizing its workforce". Management team has volunteered to have salary reduction of up to 20%. GENM will be retrenching about 10% to 20% of its staff force.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/genting-malaysia-announces-restructuring-exercise-including-pay-cut-and-rightsizing
3.	The Edge Market (24/05/2020)	<p>60% of Malaysian workers will struggle to survive beyond a week of unemployment, says MTEM senior fellow</p> <p>About 60% of Malaysian workers will find it very</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/60-malaysian-workers-will-struggle-survive-beyond-week-unemployment-says-mtem-senior-fellow

		<p>challenging to survive for more than one week, let alone raise even RM1,000 in household expenses, if they suddenly lost their jobs due to the Covid-19 pandemic.</p>	fellow
4.	New Straits Times (28/05/2020)	<p>Invito Hotel and Residence to close on June 1</p> <p>Invito Hotel and Residence has announced that it will cease operations by June 1 and a retrenchment exercise is underway for its employees. This hotel is located at Bangsar South City along Jalan Kerinchi, comprises 240 studio and apartment rooms. Employees also urged to apply for 'Elaun Mencari Pekerjaan' claim from the Employee Insurance System through the Social Security Organisation (PERKESO).</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/05/596037/invito-hotel-and-residence-close-june-1
5.	The Edge Market (30/05/2020)	<p>SOCSCO has received 302,997 applications for wage subsidy programme</p> <p>The Social Security Organisation (Socso) has received 302,997 applications from employers involving 1.98 million workers for the Wage Subsidy Programme (PSU) from April 1 until May 27. Most of the applications were from employers of micro and small enterprises. As at May 29, Socso has approved 94 per cent or 284,786 applications.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/socso-has-received-302997-applications-wage-subsidy-programme-0

6.	Sinar Harian (01/06/2020)	<p>'Kami diberhentikan 24 jam, kerja digantikan warga asing'</p> <p>Hampir 1,000 pekerja sebuah perusahaan antarabangsa di Kuantan akan membuat aduan di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) susulan mendakwa diberhentikan kerja dengan notis 24 jam antara 21 dan 30 Mei lalu.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/85822/EDISI/Pahang/Kami-diberhentikan-24-jam-kerja-digantikan-warga-asing
7.	Harian Metro (01/06/2020)	<p>30,000 hilang kerja, 10,000 dicutikan</p> <p>Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan lebih 30,000 orang di dalam industri perhotelan di seluruh negara hilang pekerjaan, lebih 10,000 dicutikan tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.</p> <p>Dari 18 Mac hingga 27 Mei, MTUC Covid-19 Helpdesk menerima sebanyak 678 aduan kes dari sektor hotel iaitu pemotongan gaji (383 kes), pembuangan kerja (186), paksa cuti tanpa gaji (37), paksa cuti tahun (54) dan lain-lain perihal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebanyak 17 kes.</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2020/06/584580/30000-hilang-kerja-10000-dicutikan

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan Pulau Pinang bercadang untuk melaksanakan pendekatan '*travel bubble*' seperti di New Zealand dan Australia, di antara negeri yang diisyiharkan zon hijau bagi membantu memulihkan sektor pelancongan. Pelan ini dirancang bagi memulakan semula industri pelancongan sementara menyesuaikan di dalam norma baharu.

2. Genting Malaysia Bhd (GENM) mengumumkan pelaksanaan penstrukturran semula operasi di Malaysia termasuk potongan gaji sukarela sehingga 20 peratus bagi kumpulan pengurusan dan mengoptimumkan tenaga kerjanya. GENM dijangka akan memberhentikan sekitar 10 hingga 20 peratus daripada keseluruhan kakitangannya.
3. Sebanyak 60 peratus pekerja di Malaysia didapati sukar untuk bertahan lebih daripada seminggu termasuk untuk berbelanja sehingga RM1,000 jika kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba akibat pandemik Covid-19.
4. *Invito Hotel and Residence* yang terletak di Bangsar South City mengumumkan penutupan operasi pada 1 Jun dan pelaksanaan pemberhentian kerja untuk pekerjanya. Pekerja adalah disaran untuk memohon tuntutan 'Elaun Mencari Pekerjaan' menerusi *Employee Insurance System* (EIS) oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
5. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah menerima 302,997 permohonan daripada majikan melibatkan 1.98 juta pekerja untuk Program Subsidi Upah sejak 1 April hingga 27 Mei. Kebanyakan permohonan adalah daripada kategori perniagaan kecil dan mikro. Sehingga 29 Mei, PERKESO telah meluluskan 94 peratus atau 284,786 permohonan.
6. Hampir 1,000 pekerja sebuah perusahaan antarabangsa di Kuantan akan membuat aduan di Jabatan Tenaga Kerja (JTK) susulan mendakwa diberhentikan kerja dengan notis 24 jam antara 21 dan 30 Mei lalu.
7. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyatakan lebih 30,000 orang di dalam industri perhotelan di seluruh negara kehilangan pekerjaan, lebih 10,000 dicutikan tanpa gaji dan lebih 6,000 pekerja dipotong gaji ekoran aktiviti perniagaan industri yang menguncup.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2020:
 - i) Jumlah jawatan diisi adalah 8,401 ribu jawatan di mana jawatan diisi tertinggi adalah di sektor Perkhidmatan dengan 4,417 ribu (52.6%) jawatan, diikuti Pembuatan dengan 2,161 ribu (25.7%) jawatan.
 - ii) Jawatan diisi sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit (18.4%). Sementara itu, subsektor Makanan, minuman dan penginapan sebanyak 9.9 peratus manakala Pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 4.5 peratus.
 - iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (6.7%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (4.7%).
2. Statistik pekerja bagi ST1 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST1 2020 adalah seperti

berikut*:

- i) Pertanian: 1,883 ribu orang (12.4%)
- ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (0.5%)
- iii) Pembuatan: 2,576 ribu orang (16.9%)
- iv) Pembinaan: 1,424 ribu orang (9.3%)
- v) Perkhidmatan: 9,284 ribu orang (60.9%)
- vi) Jumlah: 15,243 ribu orang (100.0%)

3. Statistik produktiviti buruh bagi ST1 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST1 2020 adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Pertanian	23.0	-7.1	11,948	-8.9
Perlombongan dan pengkuarian	564.6	3.8	339,032	-0.4
Pembuatan	50.9	2.2	29,788	-0.2
Pembinaan	18.6	-1.6	10,776	-5.3
Perkhidmatan	38.2	3.7	21,656	0.5
Jumlah	40.0	2.1	22,578	-0.8

4. Perangkaan utama mengikut saiz berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2016 (TR 2015) bagi Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah seperti berikut:

Saiz	Bil. Pertubuhan	Bil. Pekerja	Gaji & Upah (RM Juta)
Mikro	693,670	1,937,557	25,495
Kecil	192,783	2,351,712	61,533
Sederhana	20,612	1,363,291	41,430
Besar	13,559	3,079,678	117,238
Jumlah	920,624	8,732,238	245,696

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri



Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Tabur Kes COVID-19 Mengikut Negara



CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide	Jumlah kes sembah: Total recovered cases: Dunia / Worldwide	Negara yang terlibat: No. of countries involved:	Jumlah kes sembah: Total recovered cases: Malaysia
6,132,154	371,154 (6.05%)	2,631,567 (42.92%)	187	6,353 (81.25%)
Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases
Amerika Syarikat	1,786,593	104,319	Jepun	16,751
Brazil	498,440	28,834	Austria	16,731
Rusia	405,843	4,693	Argentina	16,214
United Kingdom	276,156	38,571	Afghanistan	15,205
Sepanyol	239,479	27,127	Panama	13,018
Itali	232,997	33,415	Denmark	11,869
India	190,609	5,408	Korea Selatan	11,468
Perancis	189,009	28,805	Oman	11,437
Jerman	183,410	8,540	Serbia	11,412
Turki	163,942	4,540	Bahrain	11,398
Peru	155,671	4,371	Kazakhstan	10,858
Iran	151,466	7,797	Nigeria	9,855
Chile	99,688	1,054	Bolivia	9,592
Kanada	92,479	7,374	Algeria	9,394
Mexico	87,512	9,779	Armenia	9,282
Arab Saudi	85,261	503	Czechia	9,257
China	84,130	4,638	Norway	8,440
Pakistan	69,496	1,483	Moldova	8,251
Belgium	58,381	9,467	Ghana	7,881
Qatar	56,910	38	Malaysia	7,819
Bangladesh	47,153	650	Maghribi	7,807
Belanda	46,645	5,975	Australia	7,195
Belarus	42,556	235	Finland	6,859
Ecuador	39,098	3,358	Iraq	6,439
Sweden	37,542	4,395	Cameroon	5,904
Singapura	34,884	23	Azerbaijan	5,494
UAE	34,557	264	Honduras	5,094
Afrika Selatan	32,683	683	Sudan	5,026
Portugal	32,500	1,410	Guatemala	4,739
Switzerland	30,862	1,920	Luxembourg	4,018
Colombia	27,219	916	Tajikistan	3,930
Kuwait	27,043	212	Hungary	3,876
Indonesia	26,473	1,613	Guinea	3,706
Ireland	24,990	1,652	Senegal	3,645
Mesir	24,985	959	Uzbekistan	3,623
Poland	23,786	1,064	Djibouti	3,354
Ukraine	23,672	708	Thailand	3,081
Romania	19,257	1,266	Congo (Kinshasa)	3,070
Filipina	18,086	957	Yunani	2,917
Republik Dominika	17,285	502	Ivory Coast	2,833
Israel	17,071	285	Gabon	2,655

(Dikemaskini pada 1 Jun 2020)

(Updated at 1 June 2020)

Bilangan negara di bawah 1,000 kes:

Countries with 1,000 cases and below:

(1-500)	(501-1000)
54	20

Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO

UKK MOH